

Pamer kehebatan di Festival Inovasi Antarabangsa Seoul

UTHM raih pingat emas



Oleh HUDA ATIQA SAMSIR
pengarang@utusan.com.my

BATU PAHAT 26 Feb. - Keunikan serta tahap inovasi tinggi produk yang dihasilkan penyelidik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) meraih pingat emas pada Festival Inovasi Antarabangsa Seoul yang berlangsung di Korea Selatan, baru-baru ini.

Pingat emas itu diraih oleh Dr. Muhammad Yusof Ismail dari Pusat Wayarles dan Sains Radio (Waras) menerusi penyelidikan bertajuk *Miniaturized Dual Frequency Planar Antenna for Radio Systems*.

Pada festival itu juga, produk inovasi yang dijalankan menerusi geran penyelidikan Anugerah Projek Terbaik, *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) oleh Kementerian Pengajian Tinggi turut mendapat anugerah khas daripada *Federation of Korean In-*

dustries (FKI).

Pegawai Perhubungan Awam UTHM, Shafie Salim dalam satu kenyataan memberitahu, pameran tahunan itu menghimpunkan 700 penyertaan dari 32 negara yang disertai oleh penyelidik, institusi pengajian tinggi, institut penyelidikan, organisasi pemindahan teknologi dan orang perseorangan.

“Penglibatan UTHM dalam pertandingan bertaraf dunia ini bukan sahaja dijadikan platform kepada penyelidik untuk memamerkan penemuan mereka, tetapi ia turut meluaskan jaringan penyelidikan dengan institusi luar negara.

“Kejayaan kumpulan penyelidik Waras di Seoul ini membuktikan pengiktirafan hasil kajian dan inovasi di peringkat antarabangsa, selain berjaya melonjakkan nama Malaysia sebaris dengan negara-negara lain,” katanya.

MUHAMMAD Yusof Ismail (kanan) menerima pingat emas dalam Festival Inovasi Antarabangsa Seoul di Korea Selatan, baru-baru ini.